

07

Kajian Pengajaran: Keberkesanan Pembinaan Konflik dan Dialog dalam Penulisan Karangan

Matufa Latiff

matufa_latif@moe.edu.sg

Siti Fadiah Ramdan

siti_fadiah_ramdan@moe.edu.sg
Sekolah Rendah Greenwood

Abstrak

Kekurangan daya kreativiti dalam mengembangkan plot merupakan satu cabaran yang dihadapi oleh murid semasa menulis karangan. Kajian pengajaran ini bertujuan meneliti keberkesanan konflik luaran dan dialog unsur ‘kejap’ dalam mempertingkat daya kreativiti murid bagi komponen menulis karangan. Seramai 26 orang murid Darjah 5 berkeupayaan sederhana terlibat dalam kajian ini. Karangan murid bagi Peperiksaan Akhir Tahun telah digunakan untuk mengukur pencapaian murid. Berdasarkan penelitian karangan yang dilakukan, 77.4% murid didapati berjaya menghasilkan konflik luaran sementara 54.84% murid dapat menghasilkan dialog unsur kejap. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa murid berkeupayaan sederhana memerlukan lebih masa untuk menggarap teknik dialog unsur kejap. Walau bagaimanapun, dapatkan kajian menunjukkan bahawa daya kreativiti murid didapati telah meningkat.

Kata Kunci: pengembangan plot, elemen sastera – konflik luaran dan dialog unsur kejap



PENGENALAN

Murid-murid telah didedahkan kepada penulisan karangan sejak mereka di peringkat Darjah 3. Oleh itu, mereka tidak seharusnya menghadapi masalah dari segi pembinaan plot. Selain itu, pendedahan terhadap pelbagai jenis rancangan televisyen, filem dan bahan-bahan Internet sepatutnya membantu murid menjana idea yang kreatif. Namun, karangan yang dihasilkan oleh kebanyakan murid didapati memaparkan perkara yang sebaliknya. Kekurangan idea dan daya kreatif menghambat murid daripada menghasilkan karangan yang mengandungi plot yang menarik dan berkesan.

Bagi menangani masalah ini, elemen sastera, iaitu konflik luaran dan dialog' yang mengandungi unsur 'kejap' dalam penulisan karangan murid. Konflik luaran boleh membantu murid untuk memperbaik plot karangan mereka manakala, dialog yang mengandungi unsur 'kejap' pula diterapkan kerana elemen ini dapat menjadikan seluruh karangan itu lebih kreatif, bermakna dan berkesan.

PERMASALAHAN

Isi karangan yang tidak menarik pastinya menjejas markah dalam bagi karangan murid. Sebelum elemen sastera diperkenalkan, karangan murid didapati kurang menarik. Walaupun murid menulis dialog dalam karangan mereka, dialog mereka meleret dan tidak berkesan. Murid tidak dapat menghasilkan karangan yang bermutu kerana kekurangan idea dalam pengolahan plot. Guru menyedari bahawa konflik luaran dan dialog yang mengandungi unsur 'kejap' boleh memberi impak dalam penulisan karangan. Oleh itu, penggunaan konflik luaran dan unsur 'kejap' dalam dialog diterapkan bagi membantu dan merangsang murid mengolah plot dengan lebih berkesan.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk:

1. meningkatkan kemahiran menulis dan berfikir;
2. menguji kebolehan murid menggunakan elemen sastera, iaitu konflik



- luaran dan dialog mengandungi unsur kejap dalam penulisan karangan;
3. meneliti keberkesanannya konflik luaran dan dialog yang mengandungi unsur ‘kejap’ dalam mempertingkat daya kreatif murid bagi komponen karangan; dan
 4. membantu murid mengembangkan idea dan menghasilkan plot yang menarik semasa menulis karangan.

KAJIAN LEPAS

Hasil dapatan kajian lepas (2013) yang dilakukan oleh guru-guru dari Sekolah Menengah St. Hilda’s menunjukkan bahawa pelajar mereka dapat menulis sebuah cerita yang dapat menggambarkan perasaan dan sikap watak melalui penggunaan dialog serta monolog. Kebanyakan pelajar dapat mengolah cerita dengan baik, penceritaan yang ditulis pelajar lebih bersifat realistik dan ada interaksi antara satu watak dengan watak yang lain. Secara keseluruhan, watak-watak dalam cerita menjadi lebih ‘hidup’ dan ini menjadikan karangan mereka lebih seronok dibaca.

Mahadi J. Murat (2004) pula memberi pandangan bahawa perkara yang patut diperhatikan daripada skrip-skrip filem ialah cara idea yang mudah dan biasa boleh dibangunkan menjadi plot cerita yang menarik.

Arba’ie Sujud (2010) menyatakan dalam penulisannya bahawa penulis akan lebih memahami dengan jelas makna perkataan yang diujarkan jika kita melihatnya dalam bentuk dialog.

Selanjutnya Othman Puteh (2001) memberikan landas kreativiti bagi melaksanakan penciptaan sesebuah cerpen. Antaranya adalah berusaha menghidupkan watak-watak dengan dialog-dialog signifikan dan bernas agar mereka bertutur seperti insan biasa ataupun watak-watak itu seolah-olah hidup. Beliau menyatakan bahawa tanpa konflik, tidak akan wujud cerita. Selain itu, beliau menyarankan pembinaan konflik dan suspensi agar pembaca dapat meneka terus-terusan semasa membaca sesebuah karya. Beliau juga menerangkan bahawa konflik dalam cerita perlu hadir untuk mewujudkan plot yang menarik.



Berdasarkan kajian lepas yang dinyatakan jelas menunjukkan bahawa penggunaan konflik dan dialog yang berkesan mampu menarik minat pembaca dan melahirkan karya penulisan yang lebih baik dan berkesan. Oleh yang demikian, kajian ini akan meneliti penulisan murid sama ada penggunaan konflik luaran dan unsur kejap dalam dialog mampu memberi olahan cerita yang menarik dalam karangan murid.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian berbentuk kajian pengajaran dan berfokus pada sekumpulan subjek kajian. Dapatan kaedah kualitatif dan kuantitatif digunakan bagi mengukur keberkesanannya kajian. Perbandingan kesan pencelahan dilakukan menerusi praujian dan pascaujian. Praujian merupakan karangan pada Peperiksaan Pertengahan Tahun dan pascaujian pula merupakan karangan pada Peperiksaan Akhir Tahun.

Subjek Kajian

Kajian pengajaran ini melibatkan 26 orang murid Darjah 5 yang berkeupayaan sederhana. Walaupun murid ini membaca buku cerita, mereka kurang memahami dan tidak dapat mengembangkan plot dalam penulisan.

Instrumen Kajian

Kajian pengajaran ini menggunakan beberapa instrumen, iaitu praujian dan pascaujian, maklum balas guru melalui pemerhatian, borang refleksi murid dan lembaran kerja yang direka khas untuk kajian ini termasuk templat ‘bubble’ dan pemerengganan. Data yang diperoleh daripada praujian dan pascaujian pada bahagian isi karangan telah digunakan untuk mengukur pencapaian murid dan keberkesanannya kajian pengajaran ini. Melalui pemerhatian guru pula, tingkah laku, pemahaman dan hasil kerja murid dinilai secara kualitatif. Templat ulasan guru telah disediakan untuk guru mencatatkan pemerhatian mereka tentang murid semasa pemantauan. Borang refleksi murid juga digunakan untuk mendapatkan penilaian secara kualitatif.



Prosedur Kajian

Kitaran Pertama

Beberapa sesi pengajaran dijalankan untuk mendedahkan subjek kepada konsep konflik luaran dan melatih mereka menulis dialog untuk memaparkan konflik luaran. Pemerancahan dan latihan dalam kelas berjalan selama dua minggu pada awal Penggal 3 minggu ke-4. Subjek didedahkan kepada senario-senario mengenai konflik yang terdapat dalam novel kanak-kanak secara ekstensif. Beberapa sedutan cerita yang diambil daripada novel kanak-kanak, ‘Bendera Di Atas Bukit’ oleh A. Samad Said dan ‘Antologi Cerpen Kanak-kanak Abangku Askar’ oleh Alam Cahaya digunakan sebagai bahan pengajaran. ‘Three minute review’ dan ‘talking chips’ ialah strategi pembelajaran koperatif yang telah digunakan untuk merangsang daya berfikir dan kemahiran berkomunikasi murid.

Kitaran Kedua

Pada Penggal 3 minggu 9, kajian pengajaran susulan untuk pusingan kedua telah dijalankan. Konsep konflik luaran perlu diperketatkan dan unsur ‘kejap’ turut disuntik dalam dialog. Langkah ini bertujuan untuk menghasilkan dialog yang lebih berkesan dan dapat menimbulkan konflik luaran. Guru menggunakan templat ‘bubble’ dan pemerengganan sebagai teknik pengajaran. Pemerancahan pula dijalankan melalui slaid PowerPoint. Kemahiran komunikasi diterapkan dengan menggunakan teknik berfikir-berpasang-berkongsi semasa aktiviti perbincangan. Cerita yang dikarang oleh guru juga dijadikan bahan pengajaran dalam kajian ini.

Sebelum pemantauan kajian pengajaran kitaran kedua dijalankan, tujuh rancangan pengajaran disediakan dan dijalankan selama dua minggu pada Penggal 3 minggu 7 dan 8. Kajian pengajaran ini meliputi beberapa pengajaran.

1. Pengajaran 1 dan 2 adalah tentang pengukuhan pemahaman murid tentang konsep konflik luaran (sila rujuk Lampiran 2).
2. Pengajaran 3 adalah tentang penggunaan templat belon kata atau belon ujaran untuk murid menulis dialog (sila rujuk Lampiran 3).
3. Pengajaran 4 menerangkan tentang penggunaan unsur ‘kejap’ dalam



- dialog (sila rujuk Lampiran 4). Pengulangan pengajaran dilakukan untuk memastikan pemahaman murid.
4. Pengajaran 5 adalah menulis sebuah karangan berdasarkan gambar bersiri. Dalam pengajaran ini, murid dikehendaki menulis sebuah karangan gambar bersiri dengan memasukkan dialog yang boleh mewujudkan konflik dan mengandungi unsur ‘kejap’ (sila rujuk Lampiran 5).

Latihan penulisan ini berjalan selama tiga hari berturut-turut. Pemantauan kajian pengajaran kitaran kedua dijalankan pada Penggal 3 minggu 9. Guru-guru Bahasa Melayu yang terlibat dalam kajian ini menjadi Guru Pemerhati sekali lagi. Kali ini, guru pakar tidak terlibat. Lampiran 1 ialah rancangan pengajaran kajian pangajaran pusingan kedua.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pada pemantauan kajian pengajaran kitaran pertama, guru-guru pakar dari MLCS mengulas bahawa konsep konflik luaran perlu diperkuuhkan kerana konflik luaran terdiri daripada konflik antara manusia dengan manusia, manusia dengan haiwan, manusia dengan objek atau manusia dengan cuaca atau keadaan. Murid juga digalakkan menggunakan unsur kejap dalam dialog supaya murid dapat menghasilkan plot yang berkesan. Teknik menulis dialog dalam belon kata digalakkan bagi merangsang minat murid menulis dialog.

Dapatan pusingan kedua menunjukkan murid memahami maksud konflik luaran dan jenis-jenisnya dengan lebih jelas. Mereka mampu mewujudkan konflik luaran dalam penulisan dialog. Namun, penggunaan unsur ‘kejap’ dalam dialog tersebut kurang menyerlah.

Jadual 1 dan 2 menunjukkan data yang dikumpul daripada Aktiviti 2 dan Aktiviti 4. Kedua-dua aktiviti memerlukan murid menulis konflik luaran menerusi dialog. Walau bagaimanapun, dialog dalam Aktiviti 4 harus mengandungi unsur kejap.



Jadual 1: Penelitian Unsur Konflik Luaran dalam Karangan Murid

Pasangan	Dialog		
	Aktiviti 2 – konflik luaran		
	Gambar 1	Gambar 2	Mampu menghasilkan konflik luaran pada kedua-dua gambar
A	✓	✓	✓
B	✓		
C	✓	✓	✓
D	✓	✓	✓
E		✓	
F	✓	✓	✓
G		✓	
H	✓	✓	✓
I	✓		
J	✓	✓	✓
K	✓		
L	✓	✓	✓
M	✓		
Pasangan			7 13

Berdasarkan penelitian karangan yang dilakukan seperti yang tertera dalam Jadual 1, terdapat 7 daripada 13 pasangan murid mampu menghasilkan dialog yang mengandungi konflik luaran berdasarkan kedua-dua gambar yang diberi (Sila rujuk Lampiran 3).



Jadual 2: Penelitian Unsur Konflik Luaran dan Unsur ‘Kejap’ dalam Karangan Murid

Pasangan	Dialog				Mampu menghasilkan konflik luaran dan unsur kejap pada ketiga-tiga gambar	
	Aktiviti 4 - konflik luaran dan unsur kejap					
	Gambar 1	Gambar 2	Gambar 3			
A	✓	✓	✓		✓	
B	✓		✓			
C	✓	✓	✓		✓	
D	✓	✓	✓		✓	
E	✓	✓	✓		✓	
F	✓	✓	✓		✓	
G	✓	✓	✓		✓	
H	✓	✓	✓		✓	
I	✓	✓	✓		✓	
J	✓		✓			
K	✓	✓	✓		✓	
L			✓			
M		✓	✓			
Pasangan				9	13	

Daripada penelitian karangan yang dilakukan, terdapat 9 daripada 13 pasangan murid mampu menghasilkan dialog yang mengandungi konflik luaran dan unsur ‘kejap’ berdasarkan ketiga-tiga gambar yang diberi (sila rujuk Lampiran 5).


Jadual 3: Maklum Balas Murid

No.	Hal	Jumlah murid (26)		
		😊😊😊	😊😊	😊
1	Saya memahami maksud konflik.	14	12	0
2	Saya boleh menulis dialog untuk menunjukkan konflik dalam karangan.	12	13	1
3	Saya boleh menulis dialog unsur ‘kejap’.	12	12	2




Jadual 3 menunjukkan maklum balas murid selepas kitaran kedua. Secara umumnya kebanyakannya murid memahami apa yang dipelajari dengan baik.

Rajah 1: Hasil dapatan pascaujian subjek untuk bahagian isi pada peperiksaan akhir tahun



Rajah 1 menunjukkan bahawa seramai 19 daripada 26 orang murid atau 73% subjek yang terlibat dalam kajian mampu menulis konflik luaran dalam karangan mereka. Selain itu, seramai 11 daripada 26 orang murid atau 42% subjek yang terlibat dalam kajian mampu menulis dialog yang mengandungi unsur kejap.

Rajah 2: Data perbandingan antara keputusan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun untuk karangan.



Rajah 2 menunjukkan seramai 19 orang murid telah lulus karangan pada peperiksaan akhir tahun berbanding dengan 17 orang murid yang lulus karangan pada peperiksaan pertengahan tahun. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perbezaan antara jumlah murid yang lulus semasa pascaujian dan praujian hanya 2 orang. Namun, terdapat peningkatan markah yang diperoleh oleh murid termasuk 8 orang murid yang gagal semasa praujian.

Sebuah perisian statistik yang menggunakan teknik ‘paired t-test’ telah digunakan. Setelah proses pengiraan markah dilakukan berdasarkan formula ‘paired t-test’, sampel yang memperoleh nilai yang sama atau kurang daripada 0.05 dikira telah meraih peningkatan yang ketara manakala sampel yang memperoleh nilai yang lebih daripada 0.05 dikira tidak menunjukkan sebarang peningkatan yang ketara.

Berikut ialah nilai yang diperoleh setelah markah keseluruhan praujian dan pascaujian disertakan dalam formula ‘paired t-test’:

Kumpulan Kajian	0.2082
-----------------	--------

Dapatan ini menunjukkan bahawa nilai yang dihasilkan oleh Kumpulan Kajian atau peningkatan markah yang diraih oleh kumpulan itu **tidak ketara**. Faktor yang mungkin menjadikan dapatan kajian ialah kertas karangan pada Peperiksaan Akhir Tahun bukan kertas yang sama untuk Peperiksaan Pertengahan Tahun.

	Praujian	Pascaujian
Julat	20.27	21.36
Standard Deviation (Sisihan Piawai)	2.86	3.24



KESIMPULAN

Melalui aktiviti-aktiviti dan penelitian yang dijalankan, kajian ini menunjukkan bahawa murid-murid memahami konsep konflik, jenis-jenis konflik dan konflik luaran. Mereka juga mampu menghasilkan dialog yang mengandungi konflik luaran lalu mampu mengolah plot dengan lebih berkesan. Namun, murid-murid yang bertahap sederhana memerlukan lebih latih tubi dan masa pengajaran yang panjang bagi menghasilkan dialog yang mengandungi unsur ‘kejap’. Walaupun kajian ini menunjukkan peningkatan yang tidak ketara bagi pencapaian murid, murid mampu menulis konflik luaran dalam karangan mereka dan para guru mencadangkan bahawa usaha harus diteruskan bagi menerapkan elemen-elemen sastera ini dalam penulisan karangan murid.

RUJUKAN

- Alam Cahaya. (2012). *Antologi Cerpen Kanak-kanak-Abangku Askar*. Alam Cahaya Sdn.Bhd: Singapura.
- Arbai’ie Sujud. (2010). *Apresiasi Bahasa Interpretasi & Ekspresi*. Sarjana Press Sdn. Bhd: Kuala Lumpur.
- Arbai’ie Sujud,Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi, Asiah Abdul Rahman. (2008). *Sastera Melayu Suatu Pengantar*. Tinta Press Sdn Bhd: Kuala Lumpur
- A Samad Said. (2011). *Siri Apresiasi Remaja Sasterawan Negara-Bendera Di Atas Bukit*. BS Print (M Sdn Bhd: Kuala Lumpur.
- Mahadi J.Murat. (2004). *Siri Kajian Filem-Sayang Salmah-Sebuah Antologi skrip filem*. Penerbit Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Othman Puteh. (2001). *Penulisan Kreatif – Teori. Pengalaman. Cabaran*. Utusan Publications & Distributors SDN BHD: Kuala Lumpur.
- Seminar Bahasa Melayu 2013. *Bahasa dan Jati Diri Melayu*. MLCS:Kementerian Pendidikan Singapura.



Lampiran 1

Masa / Langkah	Aktiviti Pengajaran	Jangkaan Respon Murid
Induksi (5 min)	Sedutan cerpen kanak-kanak yang mengandungi dialog. Penerangan tentang kesan dialog dalam perkembangan cerita. – membantu perkembangan plot	Murid memahami peranan dan kesan dialog dalam penulisan karangan / cerita.
Langkah 1 – CL-berkongsi-berpasang (10 min)	Aktiviti berpasangan. Murid meneka jenis-jenis konflik luaran yang terdapat dalam gambar. Sesi soal jawab. Penjelasan tentang jenis-jenis konflik	Murid akan memperkuatkkan pemahaman tentang jenis konflik. Pengukuhan
Langkah 2 (10 min) Aktiviti 1 CL- berkongsi-berpasangan-	Murid didedahkan kepada teks yang mengandungi konflik luaran yang wujud melalui dialog yang tertera. (lampiran aktiviti 1)	Murid mengecam dan meneka jenis konflik luaran melalui senario yang diberi.
Langkah 3 Aktiviti 2 (10 min) CL-berkongsi berpasangan	Murid menulis dialog dalam ‘bubble’ untuk mewujudkan konflik. (lampiran aktiviti 2)	Murid mewujudkan konflik luaran melalui gambar.
Langkah 4 Aktiviti 3 (10 min) CL-berkongsi berpasangan	Penerangan tentang dialog unsur kejap. Murid melihat contoh karangan guru dan mengenal pasti unsur kejap dalam teks. Murid menandakan dialog unsur kejap. (lampiran aktiviti 3 – cerita tulisan guru)	Murid menandakan dialog unsur kejap dalam teks.
Langkah 5 Aktiviti 4 (20 min) CL: berkongsi-berpasangan	Murid menulis dialog yang berkesan / impak (unsur kejap) pada setiap gambar yang diberi. (lampiran aktiviti 4)	Murid dapat menulis dialog yang berkesan / impak (unsur kejap) dalam perenggan.
Langkah 6 (10 min)	Sesi perkongsian (secara rambang)	Murid berkongsi hasil kerja
Penutup (5 minit) Renungan	Mengisi templat renungan pembelajaran hari ini.	Murid membuat renungan pembelajaran/ ‘take away’.



Lampiran 2



SEKOLAH RENDAH GREENWOOD KAJIAN PENGAJARAN 2014 LAMPIRAN AKTIVITI 1

Nama murid : _____ Kelas: _____ Tarikh : 29 Ogos 2014

- Matlamat : Mengecam jenis-jenis konflik menerusi dialog
Teknik Pengajaran : Pembelajaran Kooperatif - Berfikir-berpasang
Arahan : 1) Perhatikan senario yang diberi.
 2) Bincang dengan pasangan untuk menentukan jenis konflik

Senario 1 “Eh, kencang sungguh angin pada hari ini!” rungut Lisa. “Bagaimanakah kita hendak berjalan pada cuaca begini?” sampuk Farah.	Konflik manusia dengan _____
Senario 2 “Alasan itu juga yang awak berikan,” kata Cikgu Sha’ri. “Betul Cikgu! Saya memang sakit perut,” jelas Fikri. “Kalau esok saya dengar alasan yang sama, saya akan keluarkan nama awak daripada senarai pemain ragbi ini,” tegas Cikgu Sha’ri.	Konflik manusia dengan _____
Senario 3 “Wah, canggih komputer ini!” pujiku. “Apa gunanya? Mana ada khidmat internet di kampung ini?” balas Nizam.	Konflik manusia dengan _____



Lampiran 3



SEKOLAH RENDAH GREENWOOD KAJIAN PENGAJARAN 2014 LAMPIRAN AKTIVITI 2


Nama murid : _____ Kelas: _____ Tarikh : 29 Ogos 2014

Matlamat : Menulis konflik yang dicetuskan oleh watak

Teknik Pengajaran : Pembelajaran kooperatif > berfikir-berpasang

Arahan : 1) Perhatikan gambar.

2) Tulis dialog yang mengandungi konflik dalam belon kata.



Lampiran 4



SEKOLAH RENDAH GREENWOOD
KAJIAN PENGAJARAN 2014
LAMPIRAN AKTIVITI 3

Nama murid : _____ Kelas: _____ Tarikh : 29 Ogos 2014

Matlamat : Mengenal pasti unsur kejap dalam teks.

Topik : Teks karya guru

Arahan : 1) Baca dengan teliti teks-teks berikut.

2) Bincang dengan pasangan.

3) Kenal pasti unsur kejap dalam teks yang memberi impak kepada pembaca.

Cerita 1

Aku berjalan menuju ke rumah jiranku di tingkat sebelas iaitu satu tingkat di atas rumahku. Aku menunggu di hadapan pintu pagar rumahnya sementara dia membuka pintu itu.

“Cik Bedah! Tolong awasi anak awak, eh!” sentakku.

“Eh! Kenapa pula? jawab Cik Bedah.

“Dia telah buang sisa makanan ke luar tingkap dapur awak lagi. Kotor semua jemuran saya!” teriaku sambil menggalakkan mataku.

“Amboi, jangan main tuduh sembarang tanpa bukti!” sahut Cik Bedah dengan tangannya tercekak di pinggang.

Aku pun mengeluarkan telefon bimbitku lalu membalaik, “Bukti? Awak mahu bukti? Nah! Tengok ini!”

Cik Bedah tergamam sebentar. Kelu lidahnya tidak terkata. Matanya terkebil-kebil memandang skrin telefon bimbitku yang terpampang dengan rakaman video perbuatan buruk anaknya itu.

Tandakan (✓) atau serlahkan dialog unsur kejap dalam cerita tersebut.

Cerita 2

Aku meluru ke arah bilik guru. Aku yakin Cikgu Farhan sedang menunggu di muka pintu. Memang benar sangkaanku. Cikgu Farhan sedang berdiri sambil memeluk tubuhnya. Tangan kanannya menggenggam sehelai kertas.

Cikgu Farhan membentak, “Benarkah apa yang saya lihat ini?”

Aku mengangkat bahuku sambil memandang tepat ke arah kakiku yang seakan terpaku ke lantai. Aku sibuk memikirkan kandungan kertas tersebut.

“Saya..saya..tidak faham, Cikgu,” sahutku dengan penuh kekhuitaran.

“Ke manakah janji-janji kamu? Menyesal saya berikan kamu peluang berulang kali,” sambung Cikgu Farhan lagi.



Cerita 3

Ding! Dong! Jam sudah pun menunjukkan pukul 10 malam. Zara baru sahaja pulang ke rumah. Ibu bapanya tiada kerana mereka bertugas di luar negara selama seminggu. Semasa dia melangkah masuk ke dalam rumah, dia hampir terpekkik akibat terkejut melihat abangnya yang tercegat di ruang tamu. Muka abangnya kelihatan sangat serius. Jantungnya berdegap-degup.

"Engkau dari mana?" tanya Abang Fauzi dengan suara yang tegas.

"Perbincangan kerja kumpulan bersama teman-teman," jawab Zara dengan perlahan.

"Begini lambat?" tanya Abang Fauzi dengan sinis.

"Ya, tadi ada masalah sedikit," ujar Zarah cuba meyakinkan abangnya.

"Jangan bohong, Zara! Ibu bapa kita tidak pernah mengajar kita menjadi penipu!" tengking Abang Fauzi dengan garang.

Zara terdiam. Dia tahu bahawa abangnya telah mengetahui perbuatannya selama ini. Dia menyedari bahawa lambat-laun rahsianya akan terbongkar juga.

Cerita 4

Ali dan rakan-rakan karibnya sedang berborak-borak di kantin. Pada masa yang sama, mereka menjamah mi goreng yang amat mereka gemari. Ada kalanya mereka ketawa berdekah-dekah apabila terdengar cerita-cerita yang melucukan.

"Kawan-kawan, lihat itu!" jerit Bidin.

"Apakah yang sudah berlaku di sana?" tanya Daud dengan hairan.

"Ayuh, mari kita siasat!" ujar Ali.



Lampiran 5

**GREENWOOD PRIMARY SCHOOL
PRIMARI 5
KAJIAN PENGAJARAN 2014
LAMPIRAN AKTIVITI 4**

Nama Murid : _____ Kelas: _____ Tarikh : 29 Ogos 2014

Matlamat : Menggunakan dialog yang berkesan dalam perenggan.

Topik : Konflik luaran melalui dialog yang berkesan /impak (unsur kejap).

Teknik Pengajaran: Pembelajaran koperatif > berfikir-berpasang-berkongsi

- Arahan:

 - 1) Lihat setiap gambar.
 - 2) Bina perenggan berdasarkan gambar bersiri.
 - 3) Pastikan terdapat dialog yang berkesan /impak (unsur kejap) dalam perenggan kamu.







